

LAPORAN TAHUNAN YAYASAN IKHLAS [EDISI 14]

ISI KANDUNGAN

- 04** Dari Meja Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah
- 06** Latar Belakang
- 08** Ahli Lembaga Pemegang Amanah
- 09** Duta
- 10** Warga Kerja 2023
- 14** Kluster Bantuan

16 **Pelaksanaan & Pencapaian**
Pelaksanaan 2023
Pencapaian 2011 - 2023

18 **Aktiviti Sepanjang Tahun 2023**
Kluster Komuniti
Kluster Pendidikan
Kluster Kesihatan
Kluster Bencana
Projek Khas (Korban Ikhlas)

33 **Ejen Perunding**
Lembaga Zakat Selangor

34 **Pengecualian Cukai**
Lembaga Hasil Dalam Negeri

35 **Rakan Kerjasama**

39 **Maklumat Akaun**
Imbas dan Sumbang

“

Kombinasi dan koordinasi kita adalah faktor utama bagi pencapaian-pencapaian ini.



Dari Meja

**PENGERUSI LEMBAGA
PEMEGANG AMANAH**

PROF. DR. ZAINUR RASHID ZAINUDDIN

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Alhamdulillah, setinggi kesyukuran dipanjat kepada Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan rahmat-Nya, Yayasan Ikhlas terus menyampaikan khidmat kemanusiaan sehingga hari ini.

Tahun 2023 adalah tahun penerokaan Yayasan Ikhlas terhadap inisiatif baharu, antaranya Anjung Kaunseling Keluarga, Sistem Solar dan Pendidikan Pulau. Projek-projek ini mendapat nasihat daripada pakar bidang dan berjaya melalui tahun pertamanya dengan baik.

Di samping itu, projek sedia ada terus dikembangkan. Sebanyak 5 buah projek Sistem Air Bersih dilaksanakan pada 2023, berbanding 2 buah projek pada 2022. Selain itu, bagi meningkatkan kualiti bantuan bencana, Skuad Civil Defence Auxiliary (CDA) Yayasan Ikhlas ditubuhkan di 3 buah negeri, iaitu Kedah, Perak dan Johor, selain Selangor yang ditubuh pada 2022. Manakala pendaftaran sukarelawan meningkat kepada 6,410 orang, berbanding 5,609 orang pada 2022.

Pembinaan Sekolah Agama Rakyat Kampung Kilugus, Kuala Penyu dan Surau Al-Falah, Kampung Sosondoton, Ranau juga berjaya disiapkan pada pertengahan 2023.

Justeru, di kesempatan ini, saya merakam setinggi terima kasih atas usaha semua pihak, bermula dari Ahli Lembaga Pemegang Amanah, para kakitangan, duta-duta, penyumbang dermawan, sukarelawan budiman dan seluruh penyokong Yayasan Ikhlas. Kombinasi dan koordinasi kita adalah faktor utama bagi pencapaian-pencapaian ini.

Penghargaan khusus saya tujukan buat syarikat-syarikat korporat; Permodalan Nasional Berhad (PNB), Maybank Islamic, Yayasan Petronas, Etiqa General Takaful, Tabung Haji dan badan-badan korporat lain yang sentiasa saya ingati sumbangan dan kebersamaan mereka dengan Yayasan Ikhlas.

Semoga tahun 2024 menyaksikan peningkatan kualiti Yayasan Ikhlas dari pelbagai sudut, agar khidmat yang diberikan memberi manfaat berlipat buat masyarakat. Teruskan bersama Yayasan Ikhlas; Badan Kemanusiaan Kepercayaan Anda.



PROF. DR. ZAINUR RASHID ZAINUDDIN

Pengerusi Yayasan Ikhlas

PENGENALAN

Ditubuhkan di bawah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 (Akta 258) Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU) Jabatan Perdana Menteri pada 5 Mac 2009

VISI

Menjadi sebuah yayasan global yang memberi perkhidmatan tanpa batas waktu dan tempat menjelang 2030.

MISI

Melaksanakan tanggungjawab kemanusiaan demi agama, bangsa, dan negara.

OBJEKTIF

- Untuk meningkatkan taraf hidup golongan fakir dan miskin.
- Untuk meningkatkan taraf pendidikan golongan yang kurang berkemampuan.
- Untuk memberi bantuan kepada mangsa-mangsa bencana yang ditimpa musibah mahupun yang dalam kesusahan.



LATAR BELAKANG YAYASAN IKHLAS



AHLI LEMBAGA PEMEGANG AMANAH

Depan (Dari Kiri)

LT. KOL. HJ. RIDZWAN SHOIB

Setiausaha

USTAZ HJ. MOHD RUSDI ALIAS

Timbalan Pengerusi

PROF. DR. ZAINUR RASHID ZAINUDDIN

Pengerusi

Belakang (Dari Kiri)

IR. AMRAN WAHIDI ABDULLAH

Ahli

HJ. MOHD KAMALDIN NORDIN

Ahli

DUTA

Depan (Dari Kiri)

DR. ROZANIZAM ZAKARIA

Pakar Psikiatri
Pensyarah UIAM

**DATUK DR HJ MOHAMED HATTA
MOHAMED TARMIZI**

Pakar Perubatan Reproktif
Pakar Perunding Obstetrik dan
Ginekologi

S.S DATO' HJ. ZAMRI HASHIM

Timbalan Mufti Perak

DR. MOHD KHAIROL JAMBLI

Pegawai Perubatan UiTM
Cawangan Sarawak

MUHAMMAD HAZIQ ABD RAHIM

Pengasas Saluran AJAR

Belakang (Dari Kiri)

PROF. DR. RAFIDAH HANIM MOKHTAR

Pensyarah Fisiologi Fakulti Perubatan
dan Sains Kesihatan, USIM

PROF. DR. SHARIFAH SULAIHA SYED AZNAL

Pakar Perunding Obstetrik dan Ginekologi
Pensyarah IMU

DR. MURIZAH MOHD ZAIN

Pakar Perubatan Reproktif
Pakar Perunding Obstetrik dan Ginekologi



WARGA KERJA 2023



Bilal Bin Jailani Ir Hj Kamaruddin Kassim
Pengurus Besar Pengarah Korporat



Jabatan Operasi

Endi Eksekutif Kanan Sandakan	Habib Eksekutif Johor Bahru	Madhajan Pen. Eksekutif Sandakan	Shamri Pen. Eksekutif Semporna	Fuzai Pengurus Alor Setar	Hisham Eksekutif Sandakan	Hassriq Pengurus Ipoh	Azizul Pen. Eksekutif Bangi	Amin Eksekutif Alor Setar
Khairul Pengurus Johor Bahru	Anas Pen. Eksekutif Ipoh	Fauzi Pengurus Kota Kinabalu	Zainizam Pengurus Jabatan Operasi	Bilal Pengurus Besar	Hafeez Eksekutif Kuching	Farzana Eksekutif Bangi		



Jabatan Kewangan

Azirah
Pen. Eksekutif

Nurul
Eksekutif Kanan



Jabatan Pentadbiran

Amani
Pen. Eksekutif

Aiyshah
Eksekutif Kanan

Azizi
Pen. Eksekutif



Jabatan Pemasaran Dan Media

Aida
Eksekutif Kanan

Hafzah
Pen. Eksekutif

Amani
Eksekutif Kanan

Shahrul
Eksekutif Kanan

Fawzan
Eksekutif Kanan

Mubin
Pen. Eksekutif

Shafuan
Eksekutif

Asyraf
Pen. Eksekutif

Zulfakar
Eksekutif Kanan

Ashraf
Eksekutif Kanan

Anas
Pengurus Jabatan

Ros Shila
Eksekutif Kanan

Izatul
Eksekutif



Jabatan Perhubungan Korporat

Noorjan
Eksekutif

Syafiq
Pengurus Jabatan

Jabatan Khidmat Korporat

Hafiz
Eksekutif

Syakir
Pengurus Jabatan



Jabatan Sukarelawan Dan Pengurusan Bencana

Hanizam
Eksekutif

Mustafa
Pengurus Jabatan

“

Prophet Muhammad (SAW) said:

**Every act of kindness is
charity.**

Sahih Al Bukhari: 6021

”



KOMUNITI

Kasih Ramadan, ibadah korban dan projek-projek infrastruktur seperti pembangunan surau dan sistem air bersih pastinya memberi nilai tambah kepada kehidupan masyarakat, selain mengaktifkan interaksi sosial dan keprihatinan sesama mereka.

PENDIDIKAN

Pembinaan sekolah agama, program 3M (Membaca, Mengira, Menulis) dipergiat bagi memastikan murid di kawasan pedalaman tidak tercicir dan hilang keyakinan diri. Usaha ini diperkukuh lagi dengan biasiswa pelajar cemerlang dan pembangunan kepimpinan, dengan keyakinan 'pendidikan menjamin masa depan'.

BENCANA

Civil Defence Auxiliary - Emergency Response Team (CDA-ERT) Yayasan Ikhlas adalah pasukan terlatih yang sedia membantu mangsa bencana melalui usaha menyelamatkan, sokongan emosi dan keperluan asas, serta bekerjasama rapat dengan agensi kerajaan seperti JKM dan APM di zon bencana.

KESIHATAN

Kos rawatan dan alat perubatan yang tinggi dapat diatasi dengan sumbangan awam melalui inisiatif Bantu Pesakit Sihat (BPS). Selain itu, kempen kesihatan seperti Sunathon, pemeriksaan kesihatan dan misi perubatan ke kawasan pedalaman dapat mengukuhkan sistem kesihatan awam sedia ada.




KLUSTER BANTUAN




PELAKSANAAN PROJEK 2023

RM 16,195,948



PENERIMA MANFAAT 2011-2023





YAYASAN
IKHLAS
Rela dan Ikhlas

TERIMA KASIH
Semua Penyumbang

kasihramadan.com

**KLUSTER
KOMUNITI**

AKTIVITI SEPANJANG TAHUN 2023

KLUSTER KOMUNITI



PEMBANGUNAN SISTEM AIR BERSIH

Dana Disumbangkan:

RM 232,696.18

Penerima Manfaat:

2,360 orang

Tahun ini, Yayasan Ikhlas meneruskan usaha dengan membangunkan sistem bekalan air bersih di beberapa kampung terpencil. Projek ini telah membawa perubahan besar dalam kehidupan mereka seperti akses kepada air bersih, kesihatan, kebersihan, dan kemudahan harian kini menjadi lebih terjamin.

Antara kawasan yang telah dibantu:

- Kampung Kerangan, Lawas, Sarawak
- Sekolah Menengah Kebangsaan Bongkol, Pitas, Sabah
- Kampung Jelutong, Sik, Kedah
- Kampung Bukit Batu, Sik, Kedah



KASIH RAMADAN

Dana Disumbangkan:

RM 620,042.50

Penerima Manfaat:

12,364 orang

Tidak semua beruntung dapat menyambut Ramadan dan Syawal dengan meriah. Dengan adanya kempen Kasih Ramadan, kami fokus untuk membantu asnaf, fakir miskin dan anak yatim merasai pengalaman dan suasana bulan mulia sama macam kita.

Kempen Kasih Ramadan bertujuan untuk membantu mereka menyambut dan menempuhi Ramadan dan Syawal, khususnya dari segi persediaan berbuka dan persiapan menyambut raya.

Pek Kasih Ramadan terbahagi kepada 3 pakej:

- Pek Makanan (Barang keperluan asas)
- Pek Sahur/Iftar (Makanan siap masak)
- Pek Raya (Pakaian raya, duit raya dan kuih raya)



KLUSTER PENDIDIKAN

KLUSTER PENDIDIKAN



ANJUNG IKHLAS

Dana Disumbangkan:

RM 153,871.85

Penerima Manfaat:

194 orang

Anjung Ikhlas ialah pusat pembelajaran asas fardu ain yang khusus untuk keluarga kurang berkemampuan dan saudara baharu, terutamanya yang mempunyai anak-anak kecil di kawasan pedalaman Sabah.

Pusat ini menyediakan tenaga pengajar serta kemudahan pembelajaran yang selesa bagi memastikan anak-anak mendapat pendidikan asas yang berkualiti. Semua pembelajaran diberikan secara percuma.

TAJA BELAJAR

Dana Disumbangkan:

RM 68,298.85

Penerima Manfaat:

5 orang



Lima orang remaja pintar yang berasal dari Sandakan, Sabah yang juga merupakan anak asnaf kini menuntut di Maahad Tahfiz Al-Fateh, Batang Kali, Selangor, adalah di bawah tajaan Yayasan Ikhlas. Mereka menerima pendidikan holistik merangkumi hafazan Al-Quran, akademik, dan latihan kepimpinan.

Setiap pelajar menerima tajaan yang meliputi yuran pengajian, tiket kapal terbang pergi-balik 2 kali setahun, buku, seragam sekolah, kelas berkuda, kelas silat dan duit poket. Bermula dari Tingkatan 1, mereka dijangka akan melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi dalam bidang strategik.

Harapannya, mereka akan pulang sebagai ilmuwan dan pemimpin yang mampu membangunkan komuniti di pedalaman Sabah. Doakan kejayaan usaha murni ini agar lahir generasi pemimpin masa depan yang berakhlak dan berwawasan.

KIT BANTUAN KE SEKOLAH

Dana Disumbangkan:

RM 24,660.00

Penerima Manfaat:

277 orang

Kit Bantuan Ke Sekolah adalah meliputi wang tunai dan barang keperluan pembelajaran untuk pelajar B40 yang berumur 14 hingga 17 tahun.

Sasaran utama ialah kepada golongan yang tidak lagi menerima bantuan KWAPM, bagi meringankan beban keluarga bagi memulakan sesi persekolahan yang baru.





KLUSTER KESIHATAN

KLUSTER KESIHATAN



BANTU PESAKIT SIHAT

Dana Disumbangkan:

RM 148,362.30

Penerima Manfaat:

12 orang

Kempen ini adalah untuk membantu pesakit-pesakit daripada keluarga miskin dan kurang berkemampuan tidak kira bangsa dan agama yang memerlukan peralatan perubatan selepas keluar daripada hospital yang menelan kos yang tinggi dan mencecah ratusan hingga ribuan ringgit.

Pesakit-pesakit akan dibantu dari awal sampai akhir, sama ada melalui bantuan peralatan hospital, peralatan khas, kos rawatan, kos pembedahan, kos sara hidup, kos penjagaan dan sebagainya yang berkaitan dengan pesakit.



SUNATHON

Dana Disumbangkan:

RM 60,025.00

Penerima Manfaat:

333 orang

Program Sunathon adalah khatan secara beramai-ramai yang di adakan di kawasan pedalaman. Khatan merupakan amalan penting dalam Islam dan memberikan manfaat kesihatan seperti mencegah jangkitan serta meningkatkan kebersihan diri.

Inisiatif ini bukan sahaja meringankan beban keluarga B40, tetapi juga mendidik anak-anak, termasuk mualaf, tentang kepentingan penjagaan kebersihan diri untuk kesejahteraan jangka panjang.



KLUSTER BENCANA

KLUSTER BENCANA



MISI BANTUAN BENCANA BANJIR

Dana Disumbangkan:

RM 904,215.10

Penerima Manfaat:

27,099 orang

Banjir merupakan bencana alam yang kerap berlaku di negara kita. Jadi ianya memerlukan perancangan awal yang sempurna sama ada dari segi bantuan makanan, pengagihan sukarelawan atau kerjasama dengan pihak berkuasa tempatan supaya mangsa banjir dapat dibantu.

Setiap gerak kerja perlukan penelitian yang tepat agar objektif dapat dicapai dan bantuan pantas dapat diberikan kepada mangsa banjir.





PROJEK KHAS

KORBAN IKHLAS



KORBAN IKHLAS

Dana Disumbangkan:

RM 384,153.96

Penerima Manfaat:

55,650 orang

Korban Ikhlas adalah pelaksanaan ibadah korban di kawasan pedalaman yang didiami warga kurang berkemampuan. Ia dijalankan untuk menyantuni asnaf-asnaf dan fakir miskin merayakan dan menikmati indahnya Aidiladha. Sejak 2014, Korban Ikhlas telah mengagihkan lebih 4,554 haiwan korban seperti lembu, kambing dan unta di dalam dan luar negara.

Dalam Negara: 63 Ekor Haiwan



Luar Negara: 103 Ekor Haiwan



EJEN PERUNDING LEMBAGA ZAKAT SELANGOR




- Salurkan zakat anda ke akaun Lembaga Zakat Selangor (Yayasan Ikhlas)



5505 1011 0880

- Lampiran bukti pembayaran ke emel **zakat@yayasanikhlas.org.my**



PENGECEUALIAN CUKAI LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI

Potongan dibenarkan sehingga:



INDIVIDU
daripada pendapatan
agregat



SYARIKAT
daripada pendapatan
agregat

RAKAN KERJASAMA 2009-2023

Syarikat



Agensi Kerajaan



Institusi Masjid & Surau



Media



Selebriti & Pempengaruh

- Dato' Ustaz Mohd Kazim Elias
- Dato' Hj. Badli Shah Hj. Alauddin
- Ustaz Hanafiah Abdul Malek
- Ustaz Syed Mohd Norhisyam Al-Idrus
- PU Syed Mohd Bakri Syed Ishak
- Bell Ngasri
- Farah Lee
- Ahmad Iqbal Zulkefli
- Safee Sali
- Anita Baharom

“

Sabda Rasulullah SAW

كُلُّ سُلَامَى مِنْ النَّاسِ
عَلَيْهِ صَدَقَةٌ






Setiap sendi di tubuh manusia wajib melakukan sedekah.

Sahih Al Bukhari: 6022

”


MAKLUMAT AKAUN

Akaun Yayasan Ikhlas

 Maybank Islamic	5628 3463 6228	 BANK RAKYAT	1108 0100 1514
 Maybank Islamic	5628 3463 6235	 Bank Muamalat	1210 000 116 5716
 CIMB BANK	8600 601 366	 RHB Islamic Bank	212 4576 0028 679

IMBAS DAN SUMBANG

Kini anda boleh menyumbang dengan:



“Rakan Kemanusiaan Kepercayaan Anda”

27-1-1, Jalan PB 1A,
Seksyen 9 Bandar Baru Bangi,
43650 Bandar Baru Bangi,
Selangor.

Tel 019-611 5954
admin@yayasanikhlas.org.my
www.yayasanikhlas.org.my

Ikuti Laman Sosial Kami

